KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	04.03.22	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	JPN TERENGGANU/ TNB			

Gelinciran tanah, aliran puing punca banjir - MB



KESAN tanah runtuh berhampiran empangan di Jenagor, Kuala Berang ketika tinjauan *Utusan Malaysia* semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

KUALA TERENGGANU: Gelinciran tanah dan aliran puing bersaiz sederhana yang dikesan berhampiran Stesen Janakuasa Hidroelektrik Sultan Mahmud di Kenyir menjadi punca utama banjir besar di daerah Hulu Terengganu, minggu lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar berkata, penemuan itu diperoleh hasil siasatan Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu (JPNT) di kawasan cerun Sungai Terengganu, kelmarin.

Katanya, siasatan turut mendapati tiada aktiviti pembalakan dijalankan di lokasi kejadian.

Menurutnya, gelinciran tanah sepanjang 100 meter dengan lebar 50 meter dan ketebalan hingga 10 meter itu menyebabkan berlakunya runtuhan yang membawa sisa-sisa kayu, debris dan tumbuhan hanyut.

"Kejadian itu disebabkan hujan lebat lima hari mulai 23 hingga 27 Februari lalu yang mencecah 1000 milimeter.

"Manakala aliran puing yang bergerak dari puncak bukit hingga ke Sungai Terengganu pula ada yang mencapai sehingga 300 meter panjang," katanya dalam kenyataan semalam.

Ahmad Samsuri berkata, mesyuarat penyelarasan pasca bencana telah dijalankan dan kerja-kerja pembersihan sisa-sisa kayu kini giat dilakukan oleh pelbagai agensi berkaitan.

Katanya, pemantauan melalui udara dan rondaan turut dijalankan dari semasa ke semasa bagi mengawasi keadaan.

Sementara itu, Pengarah Perhutanan negeri, Roslan Rani turut menafikan wujudnya aktiviti pembalakan haram di sekitar empangan Kenyir susulan timbunan kayu-kayu yang hanyut dalam banjir besar minggu lalu.